

Malaysia tak berniat bermusuh dengah Amerika - Mahathir

SINTOK 7 Mei - Malaysia tidak berniat hendak bermusuhan dengan mana-mana negara terutamanya Amerika Syarikat, kata Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad.

Beliau menegaskan, Malaysia akan memuji sesuatu perkara yang baik walaupun ia dilakukan oleh musuh.

Sebaliknya, Malaysia akan mengkritik dan menyatakan pandangan tidak setuju jika perbuatan buruk itu dilakukan oleh negara yang menjadi rakkannya, tegas beliau.

Menjawab pertanyaan pemberita padasatu sidang akhbar selepas merasmikan Seminar Kebangsaan Bekas-bekas Pera-

jurit di Universiti Utara Malaysia (UUM) di sini, pagi ini, beliau berkata Malaysia mempunyai hak dalam menyatakan pandangannya dalam sesuatu perkara seperti mana negara lain berhak untuk mengkritiknya jika terdapat perbezaan pendapat.

"Seperti mana kita dikehendaki menerima kritik dan pandangan yang berbeza daripada kita, kita juga berpendapat dan berhak mengkritik sesuatu yang kita anggap tidak perlu bagi kita," ujarnya.

Beliau menjelaskan sikap sedemikian tidak bermakna bahawa Malaysia sudah memusuhi mana-mana negara tetapi

cuma untuk menyatakan pendapat dalam perkara tertentu.

Sambil merujuk kepada hubungan Malaysia dengan Amerika Syarikat yang didakwa oleh sesetengah pihak sebagai renggang, Perdana Menteri berkata sepanjang yang diketahui hubungan itu adalah baik.

Ditanya mengenai dakwaan agensi berita yang menyatakan bahawa para pegawai tinggi Amerika Syarikat tidak berminat melawat Malaysia walaupun membuat lawatan ke rantau ini kerana sikap Perdana Menteri yang enggan menjawab panggilan telefon Presiden Bush, Dr. Mahathir

berkata tidak ada permintaan untuk melawat negara ini dibuat.

Beliau menjelaskan panggilan Bush itu dibuat ke pejabatnya pada hari Ahad, sudah tentulah beliau tidak ada di pejabat.

Mengenai sikap Amerika Syarikat yang tetap menentang cadangan Malaysia menubuhkan EAEC, Dr. Mahathir berkata beliau tidak tahu sama ada penentangan itu disebabkan ia cadangan Malaysia.

"Apa yang saya tahu Amerika menganggap cadangan itu tidak sihat dan mereka terpaksa menentang," ujar Dr. Mahathir.